

Ada sebab Anwar tidak hadir Mesyuarat Majlis Raja-Raja

BUKAN RAJA MURKA

BARU-BARU ini kecoh dalam media sosial apabila tersebar fitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diundang menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-268 yang berlangsung pada 5 hingga 6 Februari lalu.

Terdapat segelintir netizen mendakwa situasi ini berlaku kerana raja-raja murka terhadap Anwar kononnya tidak bijak mentadbir negara. Begitu mudah tuduhan tidak berasas dilemparkan kepada pemimpin utama dalam kerajaan itu.

Semua itu ternyata fitnah yang tidak berasas sama sekali.

Bagi Setiausaha Pertubuhan Pendidikan Intelek Warga Terengganu, Ahmad Nadhir Yob, tohmahan yang tidak berasas itu bukan sahaja tidak perlu dipanjangkan tetapi sepatutnya tidak dicipta oleh laskar siber pembangkang.

"Jangan tunggang isu Majlis Raja-Raja atau Yang di-Pertuan Agong untuk kepentingan politik sempit.

"Mesyuarat itu tidak dihadiri oleh PM kerana Presiden Uzbekistan melakukan lawatan rasmi ke negara kita pada 4 dan 5 Februari berkenaan.

"Jadi Perdana Menteri memang kena buat sambutan negara," katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, Ahmad Nadhir berasa aneh dengan hujah yang mengatakan Raja-Raja Melayu murka kepada PM kerana itu beliau tidak diundang ke mesyuarat yang diadakan di Istana Negara.

"Di mana kata (bukti) Agong atau



ANWAR tidak hadir ke mesyuarat itu kerana meraikan ketibaan pembesar luar negara yang hadir ke Malaysia. - Gambar hiasan

Majlis Raja Raja murka kepada PMX dan beliau tidak dijemput? Sebab ketidakhadiran PMX ke mesyuarat itu telahpun disembah maklum terlebih dahulu kepada Majlis Raja-Raja," katanya.

Mengulas isu yang sama, Ahli Dewan Negara, Datuk Dr Azhar Ahmad dipetik The Malaysia Press pula berkata, Anwar bukanlah pemimpin pertama tidak hadir ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Sebelum ini pun katanya,

terdapat Perdana Menteri yang tidak menghadiri mesyuarat berkenaan.

Saya dimaklumkan Perdana Menteri telah minta diperkenan untuk tidak hadir ke mesyuarat itu kerana meraikan ketibaan tetamu atau pembesar luar negara yang hadir ke negara kita.

"Jadi amatlah menyedihkan bagi saya, apabila pembangkang sewenang-wenangnya menabur fitnah melulu, tanpa usul periksa mencipta naratif jahat hanya untuk

nafsu politik jahat mereka, ini satu politik yang tidak matang," ujarnya.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Beruas, Perak menganggap naratif jahat seperti itu boleh mengundang tanggapan buruk rakyat terhadap institusi diraja dan kerajaan.

Oleh itu katanya, sesiapa pun tidak wajar memburukkan institusi Raja-Raja Melayu dengan mereka cipta cerita palsu yang tidak bersandarkan fakta.